

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SPU308 - Politik Wilayah-Wilayah Pilihan

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. B. Anderson tegaskan bahawa oligarki mestizo-ilustrados telah mengambil-alih semula kuasa politik di Filipina selepas kejatuhan Marcos. Siapakah oligarki ini yang dimaksudkan? Bagaimanakah mereka mempengaruhi sistem dwi-parti pada tahun 1950an dan 1960an? Sejauhmanakah anda setuju dengan pendapat Anderson itu di atas?

(100 markah)

2. Bagaimanakah rejim tentera Sarit Thanarat dan Thanom Kittikachorn mengesahkan diri dan memegang kuasa politik di Negara Thai daripada 1958-1973? Apakah sebab yang mengakibatkan kejatuhan rejim tentera itu dan penggantiannya dengan pemerintahan sivil pada tahun 1973-1976?

(100 markah)

- 3 "Kerajaan PAP yang cekap, amanah dan bersih telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat di Singapura. Ekoran daripada itu, pekerjaan, ganjaran yang memuaskan, perumahan dan berbagai jenis perkhidmatan sosial lain telah disediakan bagi warganegara Singapura. Ini adalah sebabnya rakyat Singapura terus menyokong PAP setiap kali saja pilihanraya diadakan".

Nilaikan kenyataan ini dan berikan komen anda.

(100 markah)

4. Pilih salah satu di antara tiga konsep asas ini:

- (a) "neo-patrimonialisme",
- (b) "negara kapitalis birokrat",
- (c) "penginstitusian politik".

Jelas apa yang dimaksudkan dengan konsep pilihan anda itu. Sejauhmanakah konsep pilihan anda itu bersesuaian dengan keadaan di Indonesia pada waktu Orde Baru ini?

(100 markah)

5. " 'Pembangunan' adalah satu konsep yang menyeluruh. Ia tidak saja bermakna pertumbuhan ekonomi atau agihan pendapatan negara secara adil, tetapi juga membawa maksud kestabilan politik serta partisipasi dikalangan orang ramai."

Dengan merujuk kepada dua buah negara Asia Tenggara, bincang sejauhmanakah negara yang anda pilih itu telah mencapai 'pembangunan' sepertimana ditakrifkan di atas.

(100 markah)